

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: UPACARA MELETAKKAN BATU ASAS UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
(UNIMAS)

TEMPAT: KOTA SAMARAHAN, SARAWAK

TARIKH: 31 AUG 1993

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan staf akademi Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kerana menjemput saya untuk melakukan upacara rasmi meletakkan batu asas kampus tetap UNIMAS di Kota Samarahan pada hari ini.

2. Kewujudan UNIMAS menandakan kelahiran sebuah institusi pelajaran tinggi yang baru, iaitu universiti yang kelapan bagi Malaysia, dan yang pertama tertubuh di Sarawak atau Sabah. Kelahiran UNIMAS adalah hasil perjuangan pemimpin dan cendekiawan tempatan yang mahu melihat sejarah pendidikan negeri ini tercatat dengan kewujudan sebuah universiti. Kelahiran UNIMAS mencerminkan kesepaduan sistem pendidikan negara yang berasaskan pembinaan satu Bangsa Malaysia.

3. Membangunkan sesebuah universiti bukanlah satu perkara yang mudah. Sebaliknya, mewujudkan serta menyelenggarakan sesebuah universiti memakan perbelanjaan yang amat besar. Dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sebanyak RM1.7 bilion bagi pendidikan tinggi dan dalam Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak RM2.8 bilion dijangka dibelanjakan.

4. Memandangkan perbelanjaan yang begitu besar yang diperuntukkan kepada pendidikan tinggi, soal yang sering ditimbulkan ialah kenapakah Kerajaan sanggup membelanjakan wang yang begitu banyak yang memberi manfaat secara langsung hanya kepada sebilangan yang kecil sahaja daripada rakyat negara ini? Apakah penting Kerajaan membelanjakan begitu besar, khususnya bagi pendidikan tinggi mereka ini? Sepertimana kita sedia maklum, universiti-universiti di kebanyakan negara lain dimiliki oleh pihak swasta yang biasanya mengenakan yuran yang tinggi kepada penuntut. Tetapi di Malaysia beban kos membiayai pendidikan tinggi ditanggung hampir kesemuanya oleh Kerajaan. Selain daripada belanja pengurusan universiti, Kerajaan juga memberi biasiswa kepada ramai penuntut. Mereka yang membayar yuran sendiri pun tidak membiayai belanja sepenuhnya. Kerajaan masih memberi subsidi kepada mereka.

5. Justeru itu mereka yang dapat ke universiti, terutama yang mendapat biasiswa harus menganggap diri mereka sebagai

rakyat yang beruntung dan bernasib baik berbanding dengan rakyat lain yang tidak berpeluang ke universiti. Mereka harus berasa terhutang budi bukan sahaja kepada Kerajaan tetapi juga kepada masyarakat. Jika mereka sedar dan menghargai pengorbanan masyarakat untuk mereka mendapat pelajaran, maka tentulah mereka akan menggunakan masa di universiti dengan sebaik-baiknya untuk belajar. Tidak berbuat demikian bermakna membazirkan wang rakyat yang boleh digunakan untuk maksud lain. Sebaliknya ijazah yang akan didapati adalah untuk kegunaan diri sendiri. Melalui kelulusan universiti, penuntut akan berpeluang mendapat pekerjaan yang lebih baik berbanding dengan mereka yang tidak ke universiti. Sesiapa pun yang insaf akan bersyukur kerana dapat ke universiti yang mana ini menjamin masa depan yang lebih cerah.

6. Orang yang insaf tidak akan lupa jasa masyarakat kepadanya. Sudah tentu dia akan rela membantu membangunkan masyarakat itu, terutama jika khidmatnya dihargai dengan upahan yang lumayan. Inilah harapan masyarakat dan harapan Kerajaan apabila menyediakan peruntukan yang begitu besar untuk pelajaran tinggi.

7. Penubuhan UNIMAS menunjukkan universiti tidak semestinya tertumpu di satu-satu kawasan atau negeri sahaja. Memang benar mengadakan institusi pelajaran tinggi di tempat yang mempunyai ramai penduduk adalah mudah. Tenaga pengajar dan lain-lain kemudahan lebih mudah dicari. Tetapi sebuah universiti berfungsi juga sebagai 'growth centre'. Dengan sendirinya kawasan di sekeliling akan tumbuh dan maju semata-mata kerana universiti di tempatkan di situ. Justeru itu penubuhan UNIMAS di Sarawak akan membawa hasil yang lebih daripada perkembangan pelajaran sahaja.

8. Dalam konteks ini UNIMAS harus mengambil peluang untuk mencari cara-cara yang membolehkannya mengeksploitasi sumber asli negeri ini. UNIMAS harus mengambilkira dan memanfaatkan kekayaan dan kekuatan rantau ini supaya dapat dijadikan sumber untuk pengajian dan penyelidikan. Kekayaan sumber asli dapat dijadikan bahan pengajian dan penyelidikan. Begitu juga, kepelbagaian budaya yang wujud di negeri ini adalah punca kekuatan untuk dipelajari dan diketahui supaya dapat menjadi asas kekuatan negara dalam menghadapi persaingan 'global' masakini. Kita perlu mengetahui budaya mereka serta kaitannya dengan kemajuan yang dicapai. Kekuatan kita daripada segi kepelbagaian budaya harus dijadikan sandaran kepada pengajian mengenai budaya negara-negara lain.

9. Dekad 90an telah menonjolkan era yang penuh dengan saingan yang hebat di pasaran antarabangsa, yakni berikutan daripada peningkatan kesedaran golongan pengguna tentang mutu barangan, 'business globalisation', kemunculan 'regional groupings' dan penubuhan pasaran-pasaran baru. Kita tidak boleh lagi bergantung kepada eksport bahan-bahan mentah dan komoditi-komoditi utama seperti getah dan kelapa sawit. Bagi maksud mempertahankan daya saingan kita, adalah

kritikal bagi Malaysia membangunkan sumber tenaga manusianya. Adalah penting bagi kita untuk membentuk satu golongan tenaga manusia yang mempunyai kepakaran, mutu dan 'versatility' bagi menyahut keperluan pembangunan perindustrian negara dengan lebih dinamik. Memang benar Malaysia telah berjaya mencatat kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat. Walaubagaimanapun kita masih perlu mempergiatkan lagi usaha kita, terutamanya daripada segi kemampuan teknologi yang ada sekarang.

10. Satu perkara yang selalu kita tekankan ialah Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Penyelidikan adalah satu kegiatan akademik. Ia merupakan sumber latihan akademik dan melaluinya pengajar akan dapat menyampaikan isi ilmunya. Pengajaran yang bukan berasaskan penyelidikan terutama tentang aspek masakini boleh jadi kaku, malah akan menjemukan kalau sudah lapuk bahannya. Ada pensyarah yang tidak mengulangkaji bahan-bahan pengajarannya dan tiap-tiap tahun mengulangi bahan yang sama, malah 'kata-kata lucu' (jokesnya) pun sama juga. Oleh itu, penyelidikan mestilah sentiasa menjadi satu kegiatan 'integral' bagi universiti. Bagaimanapun penyelidikan mestilah seiring dengan prioriti negara. Ia mesti berorientasikan 'mission' dan hasil. Kerajaan bersedia memperuntukkan beribu-ribu juta ringgit. Kerajaan juga telah mengadakan satu mekanisme untuk menangani masalah pembiayaan projek penyelidikan dengan mewujudkan Intensification of Research on Priority Areas (IRPA). Tetapi Kerajaan ingin melihat hasilnya. Kita ingin melihat manfaat daripada segala pelaburan kita, dan tentunya rakyat Malaysia akan turut berbangga sekiranya ada penyelidik kita yang menerima hadiah-hadiah besar seperti Hadiah Nobel dalam bidang yang terkhusus, unik dan kompleks. Tetapi lebih penting ialah hasil-hasil penyelidikan itu dapat dikaitkan dan digunakan terus dalam pembangunan negara. Hasil penyelidikan perlu lebih berfokus kepada proses pembangunan negara untuk memenuhi keperluan industri dan masyarakat nasional. Ini tidak semestinya bererti penyelidikan itu tidak lagi bertaraf antarabangsa. Para akademik tidak seharusnya mengenyahkan keperluan industri tempatan untuk menghasilkan bahan penyelidikan yang bertaraf tinggi.

11. Penglibatan dalam penyelidikan mengenai hal-hal tempatan tidak seharusnya pula dijadikan alasan melakukan penyelidikan yang tidak bermutu. Budaya saingan tidak berakhir di universiti semata-mata. Universiti harus sentiasa membandingkan dirinya dengan institusi-institusi yang lain. Universiti harus bersaing, bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi di peringkat antarabangsa, kerana itulah budaya persaingan dan cabaran yang dihadapi oleh seluruh sektor. Pasaran kita bukan lagi dalam negeri tetapi di medan antarabangsa. Universitilah yang harus menyemaikan semangat bersaing di kalangan pelajar-pelajar, bahkan di kalangan seluruh komuniti kampus dan komuniti luar.

12. Budaya kecemerlangan hendaklah dijadikan asas dan

amalan sesebuah universiti. Kriteria ganjaran hendaklah berupa sesuatu yang dapat meningkatkan mutu dan kecemerlangan universiti. Sungguhpun sistem universiti kita masih baru jika dibandingkan dengan sistem universiti di negara maju, tetapi kita harus bertekad untuk meningkatkan mutu piawai pendidikan universiti. Oleh itu, universiti tempatan hendaklah bergerak ke arah menetapkan kualiti tinggi dalam segala aspek kegiatannya, supaya universiti kita akan dapat menjadi contoh di rantau ini, dan supaya kemahiran kita dalam pendidikan tinggi dapat dieksport. Tidak ada sebab mengapa sistem pendidikan tinggi kita tidak dapat dijadikan satu industri, sepertimana yang sedang kita saksikan hari ini, di mana negara-negara asing berlumba-lumba mengadakan program pendidikan kembar dan sebagainya dengan negara kita. Mereka sebenarnya mengeksport kepakaran yang ada kepada kita. Kita tidak boleh berdiam diri menerimanya sahaja. Kita perlu berikhtiar untuk memasarkan kepakaran dan kemahiran pendidikan kepada komuniti antarabangsa.

13. Untuk mencapai objektif-objektif pembangunan negara amnya, dan matlamat universiti khususnya, universiti haruslah bekerjasama dengan Kerajaan. Kerajaan sedia menerima sebarang 'idea' dan hasil penyelidikan yang dapat membawa keuntungan kepada negara dan rakyat. Yang penting ialah ahli-ahli akademik perlu lebih peka kepada isu-isu pembangunan, isu-isu yang relevan dengan keadaan sosial, ekonomi dan politik negara.

14. Kita di Malaysia tidak mampu bermegah dengan kewujudan universiti yang bebas daripada keadaan realiti kehidupan. Universiti tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat dan ekonominya. Sebaliknya universiti mesti mempunyai hubungan yang erat dengan masyarakat dan industri. Universiti harus terlibat dalam proses pembangunan. Ia harus mendekati industri. Sehubungan ini, universiti hendaklah memberi tumpuan kepada usaha-usaha mendekatkan dirinya dengan industri. Kerajaan akan memberi sokongan. Tetapi yang penting ialah para akademik harus menukar sikap supaya berusahasama dengan industri. Ini mungkin memerlukan penukaran norma-norma lazim mengenai hubungan universiti-industri. Norma-norma yang menjadi penghalang kepada pembinaan rangkaian hubungan yang baik perlu diubah. Universiti tidak seharusnya menanti agar industri datang kepadanya, tetapi sebaliknya, universiti patut menjadi lebih agresif memasarkan perkhidmatannya kepada industri melalui perancangan dan pemasaran strategik. Malah bukan sahaja mencari pasaran dengan industri tetapi juga dengan masyarakat dan Kerajaan. Universiti harus ke depan menyampaikan pandangan dan hasil kajian kepada Kerajaan. Jelas sekali, usahasama yang ikhlas antara universiti dengan Kerajaan, industri dan masyarakat bukan lagi merupakan satu opsyen tetapi satu prasyarat yang penting.

15. Dalam konteks hubungan universiti dengan Kerajaan, Kerajaan tidak ingin mengenakan sekatan-sekatan terhadap sebarang kegiatan ilmiah yang berupaya meraih manfaat kepada

negara. Kerajaan sanggup memberi pertimbangan kepada melegakan kedudukan universiti dari segi pengawalan untuk memberi fleksibiliti kepada universiti menjalankan urusan pengurusan dengan lebih cekap. Universiti juga harus meneliti corak pentadbirannya, kaedah membuat keputusan dalaman, serta isu-isu lain yang boleh meningkatkan lagi peranannya dalam masyarakat. Universiti tempatan harus meninjau kembali sistem yang dianuti daripada sistem universiti di zaman penjajah, supaya pengurusan universiti lebih 'contemporary' sifatnya, yang membolehkannya bergerak dengan ciri-ciri yang dihasratkan iaitu bermutu, agresif, proaktif dan inovatif. Universiti harus mencari jalan supaya lebih bertanggungjawab dan dapat dipertanggungjawabkan. Budaya pinilah yang perlu disemai dan dipupuk di kalangan komuniti pelajar.

16. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pelajar-pelajar UNIMAS yang telah terpilih untuk menerokai satu sistem pendidikan tinggi yang agak mencabar. Saudara-saudari adalah pelajar perintis yang akan menentukan arah dan halatuju Universiti ini. Oleh itu, ambillah peluang keemasan ini untuk menimba sebanyak ilmu yang mungkin supaya saudara dan saudari boleh menerapkannya dalam dunia kerja dan sebagai persediaan untuk kehidupan bermasyarakat. Dunia kerja hari ini bukan lagi bergantung kepada ilmu teori semata-mata tetapi merupakan pengemblengan antara ilmu asas dengan pengalaman praktik. Oleh itu, para pelajar perlu menggunakan masa dengan sebaiknya supaya kedua-dua aspek ilmu ini dapat diimbangkan.

17. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan upacara meletakkan batu asas Universiti Malaysia Sarawak, iaitu UNIMAS.